

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 01/11/2018
Edisi / Muka Surat : Nasional / 18
Tajuk : ANGKASA mohon modal RM300 juta

Abdul Fattah (depan, empat kanan) beramah mesra bersama sebahagian pengetua yang bakal bersara, kelmarin.



Angkasa mohon modal RM300 juta

PEKAN- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) berharap kerajaan dapat meluluskan permohonan modal pusingan berjumlah RM300 juta pada bajet 2019.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata pihaknya sudah melakukan perbincangan dan perjumpaan bersama jawatankuasa Angkasa dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Amiruddin Hamzah supaya modal tersebut disalurkan menerusi Angkasa yang menjadi penyelaras bagi memajukan lapan sektor untuk memperkasakan koperasi di negara.

Menurutnya, ia merupakan peruntukan tambahan kepada RM100 juta disalurkan kerajaan kepada sektor koperasi setiap tahun pada Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) menerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad (KOJADI).

"Ada lapan sektor yg telah diputuskan oleh kerajaan yang mempunyai impak

tinggi penyertaan daripada koperasi iaitu kewangan dan perbankan, perladangan, pertanian, pembangunan hartanah, pemborongan, inovasi, pelancongan dan kesihatan serta komuniti.

"Sektor koperasi perlu diperkasakan menerusi bagi mencapai sasaran perolehan berjumlah RM50 bilion menjelang 2020," katanya kepada Sinar Harian selepas Majlis Makan Malam Jasamu Dikenang Majlis Pengetua Sekolah Malaysia Pahang di sini, kelmarin.

Abdul Fattah berkata, modal pusingan RM300 juta itu juga diperlukan bagi mengembangkan koperasi tempatan untuk dibawa ke peringkat antarabangsa.

"Kita memerlukan pembiayaan dana besar untuk gerakan koperasi supaya ia boleh dipasarkan di peringkat antarabangsa.

"Pada masa sama ia bagi menyediakan pelapis koperasi sekolah yang menunjukkan prestasi baik," katanya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA